

13 AUG 2000

DR MAHATHIR HARAP ISTERI WAKIL RAKYAT BAWA SUAMI KUNJUNGI LANGKAWI

LANGKAWI, 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berharap isteri menteri, timbalan menteri dan wakil-wakil rakyat lain yang mengambil bahagian dalam Kejohanan Badminton Piala Perdana 2000 di sini supaya membawa suami masing-masing melawat pulau lagenda ini selepas ini.

Perdana Menteri berkata langkah itu akan dapat membantu kerajaan Negeri Kedah memajukan industri pelancongan di negeri ini.

Ini (langkah kerajaan negeri Kedah menjadi tuan rumah kejohanan ini) adalah sebahagian usaha kerajaan negeri menarik pelancong domestik melawat Langkawi," katanya ketika menutup kejohanan itu di sini.

Selain itu, beliau berkata kejohanan seperti ini adakan bagi membolehkan para isteri menteri, timbalan menteri, menteri besar, ketua menteri, exco kerajaan negeri dan wakil rakyat menjalinkan hubungan yang baik sesama mereka.

Ia sekaligus akan membantu suami-suami berkenaan menjalinkan hubungan baik di kalangan mereka, katanya.

Pasukan Badan Kebajikan Isteri-isteri wakil rakyat negeri Sabah atau Bakisa muncul juara kejohanan itu untuk kali ketiga berturut-turut selepas menewaskan Badan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri atau Bakti.

Tempat ketiga dimenangi oleh Badan Amal dan Usaha Isteri-isteri wakil rakyat Perak atau Baduri manakala Badan Kebajikan Isteri-isteri wakil rakyat Sarawak atau Sabati menduduki tangga keempat.

Sebanyak 12 pasukan, kecuali Kelantan dan Terengganu, mengambil bahagian dalam kejohanan itu.

-- BERNAMA

AHM LAT